

Najib Sedih Atas Kejadian Letupan Bom Di Maraton Boston
Bernama
16 April, 2013

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak sedih atas kejadian letupan bom semasa berlansungnya Maraton Boston di Massachusetts, Amerika Syarikat pada Isnin.

Perdana Menteri dalam mesej Tweetnya menyuarakan rasa simpatinya ke atas keluarga mangsa.

"Doa dan simpati saya untuk mangsa dan keluarga masing-masing," katanya.

Dalam kejadian pada 3 petang Isnin, tiga orang terbunuh dan lebih 130 lagi cedera apabila dua letupan kuat menggegarkan Boston semasa berlansungnya maraton tahunan itu.

Dua letupan di tepi jalan laluan maraton itu berlaku dalam tempoh beberapa saat, ketika beribu-ribu orang berbaris untuk menyokong peserta.

Hampir 27,000 orang menyertai maraton tahunan pada Hari Patriot, yang disambut pada Isnin ketiga April, yang merupakan cuti negeri di Massachusetts.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942458>